

'Aksi Perisai Komuniti terlalu awal'

Klopp beri alasan Liverpool lalui musim panjang

London: Jurgen Klopp berpendapat Perisai Komuniti diadakan terlalu awal untuk pasukan Liverpool yang hanya menamatkan musim lalu pada penghujung Mei.

Perlawanan menentang Manchester City di Stadium King Power tengah malam ini menandakan bermulanya kempen baharu dengan Liverpool cuba membuktikan kemampuan ke atas pesaing utamanya itu.

Pengendali Li-



Jurgen Klopp

verpool, Klopp bertekad memberi tumpuan sepenuhnya terhadap perlawanan itu kerana dia belum pernah memenangi piala berkenaan.

Bagaimanapun Klopp merasakan tarikh perlawanan itu terlalu cepat kerana Liverpool beraksi pada final Liga Juara-Juara Eropah 28 Mei lalu.

Liverpool mara ke final tiga kejohanan musim lalu dan bersaing untuk kejuaraan Liga Perdana Inggeris dengan City sehingga hari terakhir.

Cari tarikh lain

Secara keseluruhan Liverpool beraksi dalam 63 perlawanan sepanjang musim.

"Saya suka pertandingan ini tetapi saya rasa perlu

ESOK
Liverpool mln Man City
(Stadium King Power,
12 tgh mlm)

Senarai pemenang

2014: Arsenal 3-0 Man City

2015: Arsenal 1-0 Chelsea

2016: Man United 2-1
Leicester

2017: Arsenal 1-1 Chelsea
(Arsenal menang
penalti 4-1)

2018: Man City 2-0 Chelsea

2019: Man City 1-1 Liverpool
(City menang
penalti 5-4)

2020: Arsenal 1-1 Liverpool
(Arsenal menang
penalti 5-4)

2021: Leicester 1-0 Man City

mencari tarikh lain. Kami mempunyai musim lebih panjang berbanding pasukan lain dan kini tempoh pramusim kami lebih singkat.

"Mungkin seseorang perlu memikirkannya. Tetapi kami perlu mencari cara untuk menanganinya dan sedang berusaha. Musim baharu akan bermula dan kami tidak sabar untuk mengharunginya.

Sementara itu, Klopp mengesahkan Alisson Becker dan Diogo Jota tidak akan beraksi untuk pertembungan Perisai Komuniti.

Penjaga gol The Reds, Alisson mengalami masalah di bahagian abdomen sepanjang latihan pra-musim, manakala penyerang Portugal Jota bergelut dengan kecederaan paha.

AGENSI



Diogo Jota

Alisson Becker